

DASAR PENDIGITAN BAHAN

1. PENDAHULUAN

Perpustakaan Tuanku Bainun berhasrat untuk mewujudkan koleksi digital bagi bahan-bahan yang terpilih. Bagi mencapai objektif tersebut, bahan-bahan telah dikenalpasti untuk diproses. Proses pendigitalan dilakukan secara dalaman oleh kakitangan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Koleksi. Bahan-bahan yang telah dikenalpasti untuk didigitalkan adalah koleksi SITC iaitu anak kandung dan majalah chenderamata, koleksi tesis, koleksi arkib, kertas peperiksaan dan keratan akhbar berkaitan UPSI.

2. TUJUAN PENDIGITAN

Pendigitalan bahan perlu dijalankan di atas sebab-sebab berikut:-

Menyediakan akses (meningkatkan akses) sebagai mengatasi kesukaran mengakses koleksi asal

Menyediakan pengaksesan secara atas talian dengan kemudahan pencarian maklumat melalui set metadata atau indeks yang dipilih

Menyediakan pengaksesan yang lebih baik untuk pengajaran dan pembelajaran melalui kemudahan atas talian kepada pensyarah

Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai isi kandungan sesuatu koleksi

Membangunkan koleksi perpustakaan dengan mewujudkan koleksi digital

Memelihara koleksi asal daripada penggunaan yang kritikal
Memudahkan pelanggan merujuk bahan secara atas talian
Menyediakan perkongsian pintar kepada penyelidik dari luar

Memberi kemudahan pengaksesan yang global dalam satu-
satu masa

Membantu mengukur kekuatan dan kelemahan koleksi
Mempromosi koleksi secara tidak langsung

Dasar

Dasar pendigitalan yang dijalankan di Perpustakaan Tuanku Bainun adalah terhad kepada bahan-bahan kepunyaan perpustakaan ini sahaja. Ianya bertujuan menyokong proses pengajaran, pembejalaran dan penyelidikan. Dasar pendigitalan disediakan sebagai panduan bagi memenuhi salah satu fungsi perpustakaan menyebarkan sumber-sumber maklumat yang relevan dengan program yang ditawarkan oleh universiti.

3. SKOP

Dasar ini digunapakai sebagai garis panduan untuk pengurusan pendigitalan koleksi yang telah dipilih yang telah dinyatakan jenis-jenisnya iaitu:-

- 3.1 Koleksi SITC iaitu koleksi anak kandung, majalah chenderamata dan JMBRAS
- 3.2 Koleksi Arkib Universiti yang meliputi laporan, kad jemputan, buku chenderamata, artikel, gambar peristiwa, artifak dan hasil karya yang ditulis oleh kakitangan atau diterbitkan oleh universiti.

- 3.3 Koleksi tesis dan latihan ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar yang telah menjadi hak perpustakaan
- 3.4 Koleksi kertas peperiksaan yang diterima dari fakulti
- 3.5 Koleksi keratan akhbar yang berkaitan dengan UPSI

4. DEFINISI

- 4.1 Menukarkan data kepada bentuk digital supaya dapat diproses secara langsung oleh komputer atau pemindahan data dari analog ke digital dengan menggunakan perisian yang melibatkan kerja-kerja imbasan dan pautan bahan ke data bibliografi untuk diakses secara atas talian.¹

5. OBJEKTIF

- 5.1 Mewujudkan satu bentuk sistem pendigitan bagi memastikan perpustakaan mempunyai koleksi atas talian
- 5.2 Menjamin koleksi asal berada dalam keadaan yang baik dan sempurna
- 5.3 Memantapkan koleksi cetak yang sedia ada

6. STRATEGI / PENILAIAN PROJEK

- 6.1 Mengenalpasti jenis koleksi yang hendak didigit
- 6.2 Memastikan peruntukan mencukupi untuk menjalankan projek (jika diswastakan)
- 6.3 Memastikan masa mencukupi untuk menyiapkan projek (jika dijalankan secara dalaman)

¹ Kamus Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1985, 351.

- 6.4 Memastikan peralatan mencukupi dari awal sehingga projek siap dan ruang kerja yang selesa untuk menjalankan projek
- 6.5 Memastikan kakitangan yang akan mengendalikan projek mempunyai kemahiran yang mencukupi dan telah mengikuti latihan yang berkaitan
- 6.6 Memastikan projek yang hendak dijalankan mendapat sokongan padu daripada ketua jabatan dan kakitangan terlibat
- 6.7 Memastikan kakitangan mencukupi dan projek dapat diteruskan mengikut jadual tanpa gangguan
- 6.8 Memastikan masalah-masalah yang dikenalpasti telah diatasi sebelum memulakan projek
- 6.9 Melaksanakan aktiviti pendigitan berdasarkan garis panduan dan kriteria yang telah ditetapkan
- 6.10 Menjamin koleksi digital boleh diakses secara atas talian
- 6.11 Menetapkan panduan pengaksesan dan dapatan maklumat secara atas talian

7. PROSEDUR UMUM

- 7.1 Kenalpasti bahan yang hendak didigitan (pastikan tidak melanggar akta hak cipta)
- 7.2 Tempatkan bahan yang hendak didigitan di tempat yang telah dipilih (lokasi seperti bilik kerja atau studio)
- 7.3 Imbas bahan yang telah dipilih
- 7.4 Baiki imej berdasarkan koleksi asal atau kreativiti bagi gambar dan bina metadata berdasarkan nama fail
- 7.5 Proses imej yang tidak sempurna seperti menampal, membersihkan, mewarna dan bina fail imej baru

- 7.6 Semak kualiti imej dan metadata, jika belum berpuashati, baiki imej sekali lagi
- 7.7 simpan imej asal sebagai maklumat asas
- 7.8 Pastikan imej boleh diakses atau dihantar kepada orang lain
- 7.9 Simpan semula koleksi cetak di tempat asal

8. PROSEDUR SEMAKAN KUALITI

- 8.1 Pastikan nama fail output adalah betul
- 8.2 Pastikan imej yang didigit adalah sama dengan imej di dalam koleksi asal
- 8.3 Jika maklumat asal telah musnah, pastikan pembaikan dilakukan di dalam imej baru
- 8.4 Jika imej asal berkaitan gambar, pastikan ianya sama dan menepati *dpi* untuk menyamakan kualiti

9. PROSES KERJA PENDIGITAN BAHAN

- 9.1 Buka suis pengimbas dan komputer. Letak buku di atas pengimbas dengan betul
- 9.2 Di komputer, pilih perisian yang digunakan (contoh Adobe Acrobat)
- 9.3 Di menu, klik *file*, klik *import*, klik *scan* (proses berulang sehingga siap)
- 9.4 Di *skrin device*, tentukan *scanner* (pilih jenis pengimbas yang digunakan) dan tentukan format (*double sided*). Klik scan
- 9.5 Tukar *scan size* (mengikut kertas) kepada A4p dan *scan mode* kepada *single*
- 9.6 Klik *right/left scan* mengikut mukasurat bahan dan klik *next* atau *done*

- 9.7 Bila selesai, klik *done* dan klik *file* menu, klik *save as*
- 9.8 *Save* dalam *my network places* , klik *entire network*, klik *ms windows network*, klik *upsilib*, klik *ibmnas200*, klik *folder document*.
Namakan bahan di *object name* dan *save*
- 9.9 Di internet explorer, taip <http://10.16.0.23/equip/home.jsp> (huruf kecil)
- 9.10 Di web opac, taip judul buku dan *search*
- 9.11 Di rekod *display*, klik *multimedia link* dan judul bahan akan keluar.
Klik judul bahan berkenaan dan lihat data.

10. PENGAKSESAN

Ikon akan dibina untuk memudahkan pelanggan mengakses bahan digital di dalam web dan memudahkan mengenalpasti bahan yang hendak diakses.

11. TARIKH KUATKUASA

Dasar pendigitan ini disediakan pada **Julai 2005**

Diluluskan oleh

.....

ZAHARIAH BT MOHAMED SHAHAROON

Ketua Pustakawan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

